

# Ambil kira kebajikan warga dua universiti

Semua pihak diminta kemuka pandangan profesional demi kepentingan pendidikan tinggi

**Kuala Terengganu:** Langkah penggabungan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), harus mengambil kira pandangan pihak berkepentingan dan kebajikan warga kedua-dua universiti secara adil dan saksama.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Nor Aeini Mokhtar, berkata UMT sedang dan akan terus berusaha mendapatkan maklum balas daripada semua pemegang taruh seperti pengurusan tertinggi universiti, ahli senat, warga akademik dan perkhidmatan sokongan, pelajar, alumni, komuniti setempat serta pihak berkepentingan yang lain.

“UMT meminta semua pihak dapat berbincang dan menyata-

kan pandangan secara matang dan profesional kerana isu ini sangat penting kepada landskap pendidikan tinggi negara,” katanya dalam kenyataan yang dilaporkan *BERNAMA*, semalam.

Nor Aeini berkata, UMT juga yakin kerajaan akan mempertimbangkan dan membuat keputusan yang terbaik selepas mendapat hasil kajian serta pandangan menyeluruh daripada semua pihak yang terbabit dan berkepentingan.

Dalam pada itu, katanya, Kementerian Pendidikan sudah mengiktiraf kekuatan kedua-dua universiti dengan meletakkan kluster yang berlainan bagi setiap universiti iaitu UMT di bawah universiti berfokus ilmu kelautan dan UniSZA sebagai sebuah universiti pengajian Islam.

Justeru katanya, UMT berharap falsafah penubuhan asal kedua-dua universiti dapat dikekalkan dan diperkasakan demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Kabinet pada 4 September lalu dilaporkan bersetuju pada dasarnya terhadap langkah penggabungan yang akan mengukuhkan keupayaan kedua-dua universiti sejajar dengan 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Mala-

ysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Mengulas lanjut, Nor Aeini berkata, UMT yang diasaskan sejak 1979 sebagai Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Putra Malaysia, memainkan peranan besar dalam pembangunan pendidikan tinggi negara.

“Sehingga kini, UMT berkembang pesat sebagai sebuah universiti menumpukan bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik.

“UMT juga sudah memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara dalam pendidikan maritim, kelestarian sumber dan khazanah marin dengan menyediakan tenaga kerja mahir dalam bidang berkaitan,” katanya.

Di **Kuala Terengganu**, Majlis Profesor UMT tidak bersetuju dengan cadangan penggabungan universiti itu dengan UniSZA.

Sebagai badan yang hampir semua ahlinya Senat UMT, majlis itu berkata, misi dan visi kedua-dua universiti adalah berbeza.

“Kami berpandangan UMT dan UniSZA tidak mempunyai banyak pertindihan dari segi pengkhususan dan kebitaraan untuk digabungkan, selain faktor jarak fizikal antara kedua-dua universiti,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.



**Kementerian Pendidikan mengiktiraf kekuatan kedua-dua universiti dengan meletakkan kluster berlainan iaitu UMT di bawah universiti berfokus ilmu kelautan dan UniSZA sebagai universiti pengajian Islam. Justeru UMT harap falsafah penubuhan asal kedua-dua universiti dapat dikekalkan demi kepentingan agama, bangsa dan negara.**

**Nor Aeini Mokhtar,**  
Naib Canselor UMT